

## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : INISIATIF SWASTA TAWAR PENDIDIKAN DIGITAL SOKONG PEMERKASAAN TVET MELAKA

SUMBER : BERNAMA - 30 MEI 2026

### Inisiatif Swasta Tawar Pendidikan Digital Sokong Pemeriksaan TVET Melaka

© 30/05/2026 07:49 PM



Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem (dua, kiri), meninjau operasi Todak Academy yang menawarkan program pendidikan digital selepas merasmikan majlis pembukaan akademi itu di Peringgit.

MELAKA, 30 Mei (Bernama) -- Inisiatif sektor swasta menawarkan program pendidikan digital menerusi pembukaan hab pengajaran dan pembelajaran di Melaka dilihat mampu membantu memperkasakan pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada masa hadapan.

Timbalan Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata kerjasama itu turut berpotensi memupuk budaya inovasi dalam kalangan generasi muda serta melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi keperluan industri.

\*Pendedahan awal terhadap program pendidikan digital seperti kecerdasan buatan (AI) dalam robotik, pembuatan animasi 3D dan *Game-Based Learning (GBL)* penting agar generasi muda dapat mempelajari dan menguasai ilmu serta kemahiran dalam bidang berkenaan di peringkat awal.



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : INISIATIF SWASTA TAWAR PENDIDIKAN DIGITAL SOKONG PEMERKASAAN TVET MELAKA

SUMBER : BERNAMA - 30 MEI 2026

"Usaha ini selaras dengan keutamaan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh yang meletakkan TVET sebagai satu daripada keutamaan dalam pembangunan dan kemajuan negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Todak Academy di Peringgit di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Todak Academy Mohamad Taufik Rizal Aminuddin.

Mohd Noor Helmy berkata pembukaan Todak Academy yang pertama di luar Lembah Klang itu menjadi pemangkin untuk melahirkan generasi berkemahiran tinggi dalam bidang pendigitalan.

Beliau berkata Todak Academy akan menjadi pusat sehenti bagi memudahkan kanak-kanak bermula seawal tujuh tahun hingga 17 tahun untuk mendapatkan pendidikan awal program pendidikan digital yang ditawarkan seperti e-sukan dan AI robotik.

Sementara itu, Mohamad Taufik Rizal berkata Melaka merupakan negeri pertama menjadi lokasi pembukaan Todak Academy kerana institusi pendidikan digital itu telah mempunyai kira-kira 200 pelajar melibatkan 19 sekolah rendah dan menengah di negeri itu.

Beliau berkata pembukaan akademi berkenaan adalah bagi memperkukuh serta memudahkan sistem pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar sekali gus memperluas pengambilan pelajar di luar sekolah sedia ada.

"Setakat ini di sekolah terlibat kita ada empat program antaranya *Game-Based Learning* iaitu yang memberi fokus pada pembuatan permainan menerusi *coding* dan mereka kemudian boleh menjual permainan yang dihasilkan kepada rakan-rakan sekali gus kita dapat melahirkan usahawan dalam bidang tersebut.

"Bagi program animasi pula, penyertaan terbuka kepada kanak-kanak berusia tujuh tahun manakala program e-sukan terbuka kepada kanak-kanak berusia seawal sembilan tahun dan peserta akan didedahkan cara bermain permainan dengan betul seperti pengurusan masa dan kesihatan mental yang betul bagi mengurangkan impak negatif permainan e-sukan tidak terkawal," katanya.

Beliau berkata selepas Melaka, Todak Academy bercadang membuka empat lagi cawangan baharu di luar Lembah Klang iaitu di Kuantan, Ipoh, Johor, dan Kuching menjelang akhir tahun ini.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).